

03 SEP 2003

TAJOL-SIDANG KEMUNCAK

PERAK ANJUR SIDANG KEMUNCAK EKONOMI TARIK PELABUR

IPOH, 3 Sept (Bernama) -- Kerajaan negeri Perak akan menganjurkan Sidang Kemuncak Ekonomi Perak selama dua hari mulai 8 Sept ini dalam usaha meningkatkan daya saing dan kedudukan negeri itu dalam era globalisasi serta K-Ekonomi.

Menteri Besar, Datuk Seri Tajol Rosli Ghazali berkata seramai 250 peserta terdiri daripada ahli korporat dan perniagaan, para pelabur, ahli akademik dan pegawai kanan kerajaan negeri akan menghadiri sidang itu.

Beliau berkata, sidang kemuncak yang diadakan dengan kerjasama Institut Strategi dan Kepimpinan Asia (ASLI) itu bertujuan membolehkan kerajaan negeri menjelaskan dasar kerajaan negeri memandangkan Perak berpotensi menjadi tarikan pelabur terutamanya dalam soal tanah.

"Tanah di Selangor telah meningkat begitu tinggi (harga) sehinggakan ia memberi kesan kepada pembangunan Tanjung Malim dan Slim River yang hampir dengan Selangor," katanya kepada pemberita selepas mesyuarat mingguan exco, di sini hari ini.

Tajol Rosli berkata kebanyakan yang akan hadir pada sidang kemuncak itu adalah pelabur-pelabur tempatan dan terdapat juga pelabur luar yang telah berada di Perak.

"Dengan adanya sidang kemuncak ini, kita dapat jelaskan kepada mereka (pelabur luar sedia ada) potensi kita dengan lebih baik. Mungkin ini memberi peluang kepada mereka untuk melebarkan lagi pelaburan mereka dan mungkin juga mereka ada rakan-rakan yang berminat melabur di Malaysia.

"Kita beritahu kepada pelabur apa yang kita ada. Selain itu, dengan sidang ini, kita boleh tahu apa yang pelabur mahu dan apa yang kita boleh buat. Jadi ini satu tarikan untuk mereka," katanya.

Beliau berkata Sidang Kemuncak itu amat penting sebagai platform kerajaan negeri bagi mengetengahkan potensi pelaburan dan ekonomi negeri ini dan memperjelaskan dasar pelaburan kepada para pelabur berpotensi khususnya dalam bidang perindustrian, pembinaan, perlombongan, pelancongan, pendidikan, teknologi maklumat dan komunikasi, bio-teknologi dan lain-lain lagi.

Sidang Kemuncak Ekonomi Perak itu akan diadakan di Dewan Bankuet, Bangunan Perak Darul Ridzuan di sini dan Raja Muda Perak, Raja Nazrin Shah telah berkenan untuk menyampai ucap tama dan merasmikan sidang kemuncak tersebut.

Sidang itu akan berlangsung dalam tujuh sesi dan melibatkan pembentangan 18 kertas kerja serta satu sesi khas yang melibatkan tokoh-tokoh korporat utama negeri Perak.

Antaranya ialah Pengerusi Kumpulan Sunway, Tan Sri Jeffery Cheah; Pengarah Kumpulan Kuala Lumpur-Kepong Berhad, Datuk Lee Hau Hian; Pengarah Urusan The Hour Glass Lt, Datuk Dr Janny Tay dan Ketua Pegawai Operasi MK Land Holdings Berhad, R. Mohanachandran.

Selain itu, sidang itu juga akan mengadakan sesi khas bersama Menteri dan Timbalan Menteri dari Perak seperti Menteri Perusahaan Utama Datuk Seri Dr Lim Kheng Yaik, Timbalan Menteri Pengangkutan Tan Sri Ramli Ngah Talib dan Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Kerk Choo Ting, yang akan memberi dan berkongsi pendapat mereka dengan para peserta terhadap masa depan ekonomi Perak.

Sementara itu, Tajol Rosli berkata Perak menawarkan tempat kepada pelabur-pelabur tempatan yang mahu melibatkan diri dalam perusahaan melibatkan peralatan kereta api seperti monorel.

"Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mahu penggunaan barang-barang tempatan dalam industri seperti itu dan juga untuk dieksport. Saya rasa Perak sesuai kerana kita ada depot Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) di Batu Gajah dan kita sedang dalam proses membina landasan kereta api berkembar. Kita ada kemudahan untuk perusahaan itu terutama untuk mereka menguji peralatan yang mereka buat itu," katanya.

-- BERNAMA

KAY NHD